


PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,
WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON : 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX : 04-9176473

**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN
SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BME/P/15/2024**

1. Sebut harga daripada petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **130102 (Mesin dan Kelengkapan Khusus)** akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00 tengah hari** pada **14/03/2024 (KHAMIS)** untuk:-

Tajuk Sebut Harga : **Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalankan Pam Selam Elektrik Yang Baharu Untuk Stesen-Stesen Pam MADA Wilayah I, Kangar, Perlis.**

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh didapati di Pejabat seperti alamat di atas pada waktu dan hari bekerja.
3. Harga dokumen sebut harga ialah **RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)**, dan bayaran **tidak akan dikembalikan**.
4. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkaitan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen sebut harga.
5. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor sebut harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di Pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.



(Ir. EDDI ZAIMEE BIN ROMLI)
Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.

**BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

**SEBUT HARGA NO. MADA(SH)/BME/P/15/2024
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Kepada: (Nama petender dan alamat)

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh:

Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),
Woksyop MADA,
06000 Jitra, Kedah Darul Aman.

Tarikh: **04 MAR 2024**

1. Sila sebutkan harga untuk bekalan/perkhidmatan seperti disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat penyempurnaan : Bekalan/Perkhidmatan mesti menurut spesifikasi dan syarat yang ditetapkan.
3. Tarikh penyempurnaan : Dalam tempoh 24 MINGGU dari tarikh memulakan bekalan/perkhidmatan.
4. Tarikh memulakan Bekalan/Perkhidmatan : **SATU (1) MINGGU** daripada tarikh Surat Setuju Terima Sebut Harga yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.
5. Arahan pengiriman : Dihantar ke pejabat tersebut di atas beserta salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Surat Akuan Pendaftaran Syarikat Bertaraf Bumiputera** (jika berkaitan) dan **Profil Syarikat** termasuk **Penyata Kewangan** bagi tiga (3) bulan terkini yang disahkan oleh pihak bank.
6. Pembayaran : Pembayaran adalah dengan cek atau secara Pindahan Elektronik.
7. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor Sebut Harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di **Pejabat Bahagian Mekanikal dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Woksyop MADA, 06000 Jitra, Kedah** sebelum **12.00 TENGAH HARI, 14/03/2024**. Mana-mana Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
8. Bukti kiriman dengan pos tidak akan dianggap sebagai bukti penerimaan tawaran tersebut.
9. Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.
10. Petender hendaklah mengemukakan senarai semak yang lengkap di isi.

(Ir. **EDDI ZAIMEE BIN ROMLI**)

Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.